



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	5/6/2021	MUKA SURAT	:	17
JABATAN	:	PERHILITAN			

### 2 gajah liar ditangkap

**Baling:** Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Kedah menangkap dua gajah liar yang kerap merosakkan tanaman penduduk di Kampung Batu 8, Siong di sini, kelmarin.

Pengarahnya, Jamalun Nasir Ibrahim berkata, pihaknya menerima laporan berkaitan kehadiran dua gajah dipercayai ibu dan anak jantan di kebun penduduk kampung kira-kira jam 10 pagi, Rabu lalu.

Katanya, keadaan itu menyebabkan penduduk bimbang untuk ke kebun selain turut mengalami kerugian akibat tanaman dirosakkan haiwan berkenaan.

“Tujuh anggota Unit Tangkapan Gajah Perhilitan diarah menjalankan operasi mengesan dan menangkap gajah liar di kawasan berdekatan kampung berkenaan.

“Dua gajah liar termasuk seekor yang bunting ditangkap jam 12.30 tengah hari semalam (kelmarin). Operasi turut dibantu penduduk kampung,” katanya.